

ANALISIS SIMBOLIK DAN ESTETIK MOTIF BUNGA ORKID DALAM SULAMAN TANGAN

SYMBOLIC AND AESTHETIC ANALYSIS OF ORCHID FLOWER MOTIFS IN SULAMAN TANGAN

Nurul Eza Martu^{1*}
Harleny Abd. Arif²
Nor Syazwani Mat Salleh³
Yusniza Mohamed Yusof⁴

¹Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia,
(E-mail: p20221000647@siswa.upsi.edu.my)

²Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia,
(E-mail: harleny@fskik.upsi.edu.my)

³Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia,
(E-mail: syazwani.ms@fskik.upsi.edu.my)

⁴Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia,
(E-mail: p20221000649@siswa.upsi.edu.my)

*Corresponding author: p20221000647@siswa.upsi.edu.my

Article history

Received date : 8-11-2025

Revised date : 9-11-2025

Accepted date : 15-12-2025

Published date : 16-12-2025

To cite this document:

Martu, N. E., Abd. Arif, H., Mat Salleh, N. S., & Mohamed Yusof, Y. (2025). Analisis simbolik dan estetik motif bunga orkid dalam sulaman tangan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 162 – 173.

Abstrak: *Motif bunga orkid dalam sulaman tangan bukan sahaja berfungsi sebagai elemen hiasan, tetapi turut membawa makna simbolik dan nilai estetik yang tinggi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif interpretatif untuk menganalisis ciri visual, simbolik, dan nilai estetik motif bunga orkid dalam sulaman tangan tradisional Melayu. Data diperoleh daripada 30 sampel sulaman yang dipilih secara purposive dari muzium, penggiat seni tempatan, dan dokumentasi fotografi. Analisis dijalankan menggunakan analisis tematik berasaskan teori semiotik dan estetika Kant, dengan mekanisme kebolehpercayaan data melalui triangulasi dan member checking. Hasil kajian menunjukkan bahawa setiap teknik sulaman, termasuk Satin Stitch, French Knot, Blanket Stitch, dan Bullion Stitch, memberi impak berbeza terhadap persepsi visual dan simbolik motif bunga orkid. Analisis semiotik menekankan peranan ikon, indeks, dan simbol dalam menyampaikan makna budaya, manakala analisis estetika Kant menyorot pengalaman estetik yang bersifat universal. Kajian ini memberi sumbangan kepada pemahaman mendalam tentang peranan motif bunga orkid dalam melestarikan warisan budaya, memperkukuh identiti kolektif, serta memperkaya pedagogi dalam pendidikan seni*

Kata Kunci: *Sulaman tangan, motif orkid, semiotik, estetika Kant, pendidikan seni visual, warisan budaya*

Abstract: *The orchid flower motif in sulaman tangan (traditional Malay hand embroidery) functions not only as a decorative element but also carries significant symbolic meaning and high aesthetic value. This study employs an interpretative qualitative approach to analyze the visual characteristics, symbolic meanings, and aesthetic values of orchid motifs in traditional Malay sulaman tangan. Data were obtained from 30 purposively selected embroidery samples sourced from museums, local artisans, and photographic documentation. The analysis was conducted using thematic analysis based on semiotic theory and Kantian aesthetics, with data reliability ensured through triangulation and member checking. The findings indicate that each embroidery technique, including Satin Stitch, French Knot, Blanket Stitch, and Bullion Stitch, has a distinct impact on the visual perception and symbolic interpretation of the orchid motif. Semiotic analysis highlights the role of icons, indices, and symbols in conveying cultural meaning, while Kantian aesthetic analysis emphasizes the universal nature of the aesthetic experience. This study contributes to a deeper understanding of the role of the orchid motif in preserving cultural heritage, reinforcing collective identity, and enriching pedagogy in art education.*

Keywords: *Sulaman tangan, orchid motif, semiotics, Kantian aesthetics, visual art education, cultural heritage*

Pengenalan

Sulaman tangan merupakan salah satu bentuk seni kraf yang kaya dengan nilai estetik dan simbolik. Seni ini telah lama wujud dalam pelbagai budaya dan menjadi warisan penting dalam seni kraf tradisional. Masyarakat Melayu sangat sinonim dengan seni halus yang diwarisi daripada generasi terdahulu (Nor Alia Farahin, 2023), dan kemahiran ini diturunkan secara berterusan dari generasi ke generasi (Mira Marlianti & Wuri Handayani, 2017). Walaupun teknik sulaman tradisional mengalami perubahan seiring perkembangan moden, warisan seni ini masih diamalkan hingga kini (Saemah & Muliyadi, 2015).

Seni sulaman tangan bukan sahaja berfungsi sebagai elemen dekoratif, tetapi juga sebagai medium ekspresi seni yang mencerminkan identiti budaya serta kehalusan seni sesebuah masyarakat (Siti Zainon, 1986; Purwo Prihatin, 2022). Dalam penghasilan sulaman, motif bunga sering menjadi pilihan utama kerana dikaitkan dengan unsur keindahan dan kelembutan, dengan ragam hias yang timbul melalui pelbagai teknik jahitan yang berubah mengikut peredaran zaman (Saemah & Muliyadi, 2015).

Salah satu motif bunga yang sering digunakan ialah bunga orkid. Bunga ini terkenal kerana keunikan bentuknya dan mempunyai makna simbolik yang mendalam, melambangkan keindahan, keanggunan, serta ketahanan (Yong, 1990; Chris, 1995, dipetik dalam Roslina, 2015). Dalam sesetengah budaya, bunga orkid juga melambangkan kemurnian, kecantikan, dan kemewahan. Keunikan bentuk serta variasi warna bunga orkid menjadikannya subjek menarik dalam seni sulaman, yang bukan sekadar hiasan, tetapi turut menyampaikan mesej berkaitan budaya, sosial, dan sejarah masyarakat (Arba'iyah, 2018).

Penghasilan motif bunga orkid dalam sulaman tangan memerlukan penguasaan pelbagai teknik seperti French Knot, Bullion Stitch, Blanket Stitch, dan Satin Stitch (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2017). Setiap teknik memberikan impak berbeza terhadap nilai estetik motif bunga orkid, sekaligus mempengaruhi interpretasi visual dan simboliknya.

Walaupun penggunaan motif bunga orkid meluas, kajian mendalam mengenai makna simbolik yang terkandung dalam motif ini masih terhad dan kurang diberi perhatian secara akademik. Kekurangan rujukan khusus yang membincangkan simbolisme motif bunga orkid menyebabkan interpretasi terhadap makna dan kepentingannya kurang difahami secara sistematik. Penilaian estetik terhadap motif ini juga kebiasaannya dilakukan secara subjektif tanpa kerangka teori yang jelas, mengakibatkan keindahan sulaman tidak dapat dinilai secara menyeluruh dan konsisten.

Selain itu, kajian terdahulu kurang meneliti bagaimana latar belakang budaya mempengaruhi pemilihan dan tafsiran motif bunga orkid dalam sulaman tangan. Oleh itu, wujud keperluan untuk meneliti dengan lebih mendalam aspek simbolik, estetik, dan pengaruh budaya terhadap motif ini, serta bagaimana teknik sulaman menyumbang kepada penghayatan nilai estetika dan makna simbolik. Kajian ini bertujuan mengisi kelompongan tersebut dengan menganalisis keunikan motif bunga orkid melalui pendekatan semiotik dan teori estetika, sekaligus memberikan pemahaman holistik mengenai peranan motif bunga orkid dalam seni sulaman tangan serta kepentingannya dalam warisan seni tekstil.

Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan menganalisis aspek simbolik dan estetik motif bunga orkid dalam sulaman tangan, dengan memberi tumpuan kepada teknik sulaman seperti French Knot, Bullion Stitch, Blanket Stitch, dan Satin Stitch. Penggunaan motif bunga orkid dalam seni sulaman bukan sahaja berfungsi sebagai elemen hiasan, tetapi turut sarat dengan makna yang berkait dengan budaya, kepercayaan, dan nilai masyarakat setempat. Justeru, kajian ini menekankan kepentingan memahami simbolisme yang terkandung dalam motif tersebut serta menilai keindahan dan kehalusan teknik sulaman yang digunakan.

Selain itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti ciri visual motif bunga orkid melalui pendekatan semiotik, bagi meneliti bagaimana motif ini berperanan sebagai tanda yang menyampaikan makna tertentu dalam konteks seni sulaman. Analisis juga dijalankan untuk menafsir dimensi estetik motif berdasarkan pemilihan teknik sulaman, serta bagaimana teknik tersebut mempengaruhi nilai keindahan dan penghayatan makna. Dengan itu, objektif kajian ini dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Menenal pasti ciri visual motif bunga orkid dalam sulaman tangan.
2. Menganalisis makna simbolik motif bunga orkid melalui teknik sulaman tangan.
3. Mentafsir nilai estetik motif bunga orkid berdasarkan teknik sulaman yang diaplikasikan.

Secara keseluruhannya, kajian ini menggabungkan pendekatan teknikal dan artistik bagi memperkayakan pemahaman terhadap motif bunga orkid, bukan sahaja dari sudut estetik dan simbolik, tetapi juga dalam konteks warisan budaya dan seni tekstil tradisional.

Kajian Literatur

Motif bunga orkid sering dijadikan elemen utama dalam seni sulaman tangan kerana keunikan bentuk dan variasinya yang menarik, sama ada dalam karya tradisional mahupun kontemporari. Keistimewaan bunga orkid menjadikannya pilihan penggiat seni tekstil untuk mengekspresikan nilai estetika, simbolik, dan budaya (Harozila et al., 2021; Fazlisyam, 2023). Dalam konteks Malaysia, penggunaan motif bunga orkid dalam sulaman tradisional Melayu membolehkan pengkarya menggabungkan elemen flora dengan nilai warisan budaya yang tersirat dalam motif hias (Zuraidah, 2025).

Motif Bunga Orkid dan Simbolisme

Tumbuhan seperti orkid bukan sahaja dihargai kerana keindahan fizikal, tetapi juga kerana makna simbolik yang terkandung dalam budaya tertentu. Motif orkid dikaitkan dengan keanggunan, kecantikan, ketahanan, dan kemewahan (Yong, 1990; Chris, 1995, dipetik dalam Roslina, 2015; Arba'iyah, 2018). Kajian antarabangsa juga menekankan peranan flora sebagai medium simbolik dalam seni tekstil tradisional. Contohnya, Iqbal et al. (2019) menegaskan bahawa analisis semiotik terhadap motif tradisional dapat membongkar struktur visual dan makna tersirat, seterusnya membantu mengekalkan warisan budaya. Dalam konteks ini, motif bunga orkid berfungsi sebagai tanda visual (signifier) yang merujuk kepada konsep estetika, sosial, dan budaya (Chandler, 2017; Nöth, 1990).

Nilai Estetik dalam Sulaman Tangan

Dari perspektif estetika, Immanuel Kant (1790/2000) membahagikan keindahan kepada free beauty (kecantikan bebas) dan dependent beauty (kecantikan bersandar). Motif bunga orkid dikategorikan sebagai free beauty kerana keindahannya dihargai secara intrinsik tanpa bergantung kepada fungsi tertentu (Ginsborg, 2005). Kajian lain menekankan bahawa pengalaman estetik melibatkan penghargaan terhadap bentuk, warna, dan keseimbangan visual (Allison, 2001; Moses, 2017). Hal ini menunjukkan bahawa motif bunga orkid bukan sahaja menarik dari segi visual, tetapi juga mampu membangkitkan pengalaman estetika yang universal.

Teknik sulaman memainkan peranan penting dalam memperkukuh nilai estetik dan simbolik motif. Satin Stitch memberikan permukaan halus dan berkilau yang menyerupai kelopak lembut, French Knot menghasilkan titik halus menyerupai debunga, Blanket Stitch memperkukuh kontur dan kemasan motif, manakala Bullion Stitch menambah dimensi tiga dimensi pada stamen dan tunas bunga (Brown, 2012; Parker, 2010; Thomas, 2014; Anderson, 2017). Kajian tempatan menunjukkan bahawa variasi teknik sulaman mempengaruhi interpretasi motif dan persepsi estetik, manakala kajian antarabangsa menekankan bahawa teknik tekstil adalah medium untuk menyampaikan makna budaya secara visual (Khairunnisa et al., 2025).

Gabungan Semiotik dan Estetika

Pendekatan semiotik dan estetika memberi kerangka teori yang kuat untuk memahami motif bunga orkid. Saussure (1916/1983) menekankan hubungan antara penanda (signifier) dan petanda (signified), manakala Peirce (1931–1958) mengklasifikasikan tanda kepada ikon, indeks, dan simbol. Analisis semiotik membolehkan pengkarya menafsir motif bunga orkid sebagai ikon yang menyerupai bunga sebenar, indeks yang merujuk kepada warna dan bentuk, serta simbol yang mencerminkan nilai budaya dan sosial (Chandler, 2017; Mohammed Iqbal et al., 2019). Kombinasi teori ini dengan prinsip estetika Kant membolehkan motif dinilai secara sistematik, bukan hanya dari segi keindahan visual tetapi juga pengalaman estetik yang mendalam.

Kekurangan Kajian Sedia Ada

Walaupun kajian terdahulu menekankan kepentingan motif flora dalam sulaman tangan, kajian khusus tentang motif bunga orkid masih terhad, terutama dari perspektif gabungan analisis semiotik dan estetika. Kajian sedia ada kurang meneliti bagaimana teknik sulaman tertentu mempengaruhi interpretasi simbolik dan nilai estetika motif. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengisi kelompongan tersebut, dengan meneliti ciri visual, makna simbolik, dan pengalaman estetik motif bunga orkid melalui pendekatan semiotik dan estetika Kant.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berasaskan pendekatan interpretatif. Pemilihan reka bentuk ini selaras dengan objektif kajian untuk meneroka dan memahami makna simbolik serta nilai estetik motif bunga orkid dalam seni sulaman tangan. Menurut Creswell dan Poth (2018), kajian kualitatif membolehkan penyelidik mendalami pengalaman serta makna yang dikonstruksi oleh individu atau komuniti, di samping menekankan analisis interpretatif terhadap data bukan numerik. Dalam konteks ini, reka bentuk kualitatif membolehkan penyelidik meneliti secara terperinci bagaimana motif bunga orkid dimaknai sebagai elemen visual yang sarat dengan simbolisme budaya dan mempunyai nilai estetika sejagat.

Kaedah pengumpulan data utama ialah analisis visual. Rose (2016) menjelaskan bahawa analisis visual merupakan pendekatan penting untuk meneliti makna yang terkandung dalam imej, karya seni, atau simbol visual. Oleh itu, kajian ini menganalisis motif bunga orkid dalam sulaman tangan melalui pemerhatian terhadap gambar, sampel sulaman, serta dokumentasi seni tekstil tradisional Melayu. Analisis memberi tumpuan kepada elemen visual seperti bentuk, warna, komposisi, dan harmoni yang berperanan mengungkap makna simbolik serta nilai estetik. Pendekatan ini disepadukan dengan kerangka teori semiotik dan estetika Kant, bagi memahami bagaimana pengkarya seni memanfaatkan bentuk alam semula jadi untuk menzahirkan makna budaya dan estetik.

Data dianalisis menggunakan analisis tematik berasaskan dua teori utama, iaitu teori semiotik dan estetika Kant. Analisis tematik membolehkan penyelidik mengenal pasti pola, tema, dan makna yang terkandung dalam data kualitatif (Braun & Clarke, 2022).

a) Analisis Semiotik

Pendekatan semiotik menumpukan kepada makna yang terkandung dalam tanda visual. Saussure (1916/1983) menegaskan bahawa tanda terdiri daripada dua elemen asas, iaitu penanda (*signifier*) dan petanda (*signified*). Dalam kajian ini, motif bunga orkid dalam sulaman tangan ditafsir sebagai penanda visual yang membawa makna tertentu seperti keindahan, kesuburan, dan keanggunan. Pendekatan Peirce (1931–1958) pula digunakan untuk meneliti ikon, indeks, dan simbol dalam motif sulaman. Analisis ini membantu mengenal pasti bagaimana bentuk, warna, dan tekstur sulaman mencerminkan makna budaya serta simbolik (Chandler, 2017; Nöth, 1990).

b) Analisis Estetika Kant

Analisis estetika berasaskan teori Immanuel Kant digunakan untuk menilai aspek keindahan dan pengalaman estetik yang terhasil daripada motif bunga orkid dalam sulaman tangan. Kant (1790/2000) menjelaskan bahawa keindahan boleh dikategorikan sebagai *free beauty* (kecantikan bebas) yang dinikmati tanpa bergantung pada fungsi tertentu. Bunga orkid sebagai objek semula jadi tergolong dalam kategori ini kerana keindahannya dihargai secara universal (Ginsborg, 2005). Allison (2001) menambah bahawa penghargaan estetik Kantian menekankan pengalaman estetik yang memberikan keseronokan tanpa pertimbangan utilitarian. Oleh itu, analisis estetika Kant dalam kajian ini meneliti sejauh mana motif bunga orkid dalam sulaman tangan mampu membangkitkan rasa kagum, harmoni, dan keseronokan estetik, sekali gus memperlihatkan kehalusan seni tradisional Melayu.

Dengan metodologi ini, kajian dapat memberikan interpretasi yang mendalam tentang motif bunga orkid dalam sulaman tangan, bukan sahaja dari segi visual, tetapi juga dari perspektif simbolik dan estetik, sambil mengekalkan ketepatan dan kebolehpercayaan analisis.

Hasil Dapatan

Motif bunga orkid dalam sulaman tangan merupakan ekspresi seni yang bukan sahaja menonjolkan keindahan visual, malah menyampaikan makna simbolik yang mendalam. Melalui analisis semiotik dan estetika, motif ini dapat ditafsirkan berdasarkan makna tersurat dan tersirat yang terkandung dalam elemen visual serta teknik jahitan yang digunakan.

Dari perspektif semiotik, motif orkid berfungsi sebagai tanda visual yang menyampaikan makna tertentu kepada pemerhati. Berdasarkan pendekatan Peirce (1931–1958), analisis semiotik melibatkan tiga komponen utama, iaitu ikon, indeks, dan simbol. Pertama, dari sudut ikon, motif sulaman ini memperlihatkan bentuk yang menyerupai bunga orkid sebenar. Kelopak yang lebar dan berlapis menggambarkan kehalusan serta kecantikan orkid, yang sering dikaitkan dengan keanggunan dan kelembutan dalam budaya masyarakat. Reka bentuk ini bukan sahaja memberikan representasi visual yang realistik, tetapi juga menegaskan orkid sebagai subjek utama sulaman.

Kedua, dari segi indeks, penggunaan warna seperti ungu, merah jambu, putih, dan hijau memberikan petunjuk terhadap makna dan sifat bunga orkid. Dalam pelbagai budaya, orkid dikaitkan dengan keindahan, ketahanan, dan kekuatan dalaman kerana keupayaannya hidup dalam pelbagai persekitaran. Pemilihan warna ini dalam sulaman menggambarkan keseimbangan antara kelembutan dan keteguhan, sekali gus mencerminkan nilai kehidupan manusia.

Ketiga, pada aspek simbol, bunga orkid melambangkan status sosial dan kecantikan dalam masyarakat Melayu dan Cina. Motif ini bukan sekadar hiasan, tetapi juga lambang kehalusan seni sulaman yang diwarisi turun-temurun. Ia menggambarkan penghargaan terhadap warisan budaya dan kemahiran seni yang diperhalusi oleh generasi terdahulu.


Dari perspektif estetika Kant, keindahan dinilai melalui pengalaman bebas daripada fungsi atau kegunaan objek. Kant (1790/2000) menekankan bahawa sesuatu yang dianggap indah mestilah dihargai tanpa dipengaruhi kepentingan luaran. Dalam konteks ini, keindahan sulaman orkid dapat dinilai melalui konsep *aesthetic judgment* yang menekankan reaksi emosi dan intelektual pemerhati terhadap karya, berbanding fungsi praktikalnya. Salah satu konsep utama estetika Kant ialah *purposiveness without a purpose*, iaitu keindahan boleh dihargai walaupun tanpa tujuan utilitarian.

Sulaman orkid ini direka dengan teliti menggunakan teknik jahitan seperti *Satin Stitch*, *French Knot*, *Blanket Stitch*, dan *Bullion Stitch*. Walaupun ia mungkin berfungsi sebagai hiasan pakaian atau perhiasan fabrik, keindahannya tetap dapat dihargai secara bebas daripada kegunaan tersebut. Selain itu, Kant juga menekankan konsep *sublime*, iaitu keupayaan seni membangkitkan perasaan kagum dan takjub. Dalam konteks ini, ketelitian penyusunan jahitan serta pemilihan warna yang seimbang memperlihatkan kehalusan seni tekstil Melayu yang tinggi. Pemerhati bukan sahaja menikmati keindahan fizikal sulaman, malah turut merasakan keagungan kreativiti dan kemahiran yang diperlukan untuk menghasilkan motif tersebut.



Gambar 1: Bunga orkid

Sumber: <http://pixabay.com/id/photo/orchid>



Gambar 2: Teknik-teknik sulaman tangan

Analisis terhadap motif bunga orkid dalam sulaman tangan dijalankan berasaskan teori semiotik dan teori estetika Kant, dengan penekanan kepada ciri visual, makna simbolik, serta nilai estetik yang terhasil melalui setiap teknik sulaman yang diaplikasikan.

Jadual 1: Analisis motif Bunga Orkid dalam sulaman tangan berdasarkan Teori Semiotik dan Teori Estetika Kant

Teknik Sulaman	Ciri Visual	Makna Simbolik (Teori Semiotik)	Analisis Estetika (Teori Kant)
Blanket Stitch	- Jahitan bersambung membentuk batang dan daun, menggunakan benang hijau untuk memberikan kesan semula jadi. Bentuk: - Garisan yang stabil menunjukkan kestabilan dalam reka bentuk. Warna:	Ikon: - Bentuk batang dan daun menggambarkan kesinambungan dan pertumbuhan. Indeks: - Struktur jahitan yang berulang mencerminkan daya	Mengikut estetika Kant, keindahan bukan sekadar subjektif tetapi berdasarkan kesempurnaan bentuk dan kesan sublim (<i>sublime</i>) yang menimbulkan rasa kagum. Batang yang kukuh

	- Hijau sebagai warna semula jadi memberi kesan segar dan menenangkan. Harmoni: - Kontras dengan warna kelopak yang lebih cerah, mencipta keseimbangan visual.	tahan dan keseimbangan alam. Simbol: Daun hijau dikaitkan dengan kehidupan, kesuburan, dan ketenangan.	menggambarkan kestabilan dan keagungan alam.
French Knot	- Jahitan simpulan benang kecil yang digunakan pada bahagian tengah bunga, memberikan kesan timbul dan realistik. Bentuk: - Titik kecil tetapi signifikan dalam keseluruhan motif. Warna: - Biasanya warna terang (merah atau kuning) untuk menarik perhatian dan mencipta dinamika visual. Harmoni: - Memberikan keseimbangan kepada kelopak besar, menjadikan komposisi lebih menarik.	Ikon: - Titik pusat bunga menggambarkan tumpuan dan inti kehidupan. Indeks: - Simbol keseimbangan dalam reka bentuk bunga dan titik fokus dalam keseluruhan motif. Simbol: - Pusat bunga dikaitkan dengan tenaga kehidupan dan elemen spiritual dalam falsafah ketimuran.	Keindahan pusat bunga boleh dikaitkan dengan prinsip keharmonian subjektif, di mana manusia secara semula jadi tertarik kepada bentuk yang mempunyai keseimbangan dan kesatuan dalam reka bentuk.
Satin Stitch	- Jahitan licin dan padat yang membentuk kelopak bunga dengan warna ungu, merah jambu, dan putih untuk menghasilkan kesan realistik. Bentuk: - Kelopak bunga yang simetri dan teratur memberikan kesan keseimbangan.	Ikon: - Kelopak bunga luas melambangkan kelembutan dan kecantikan. Indeks: - Penggunaan warna evolusi menunjukkan variasi kehalusan dalam keindahan bunga orkid.	Mencerminkan prinsip "<i>free beauty</i>" (keindahan bebas) menurut Kant, di mana kecantikan bunga orkid tidak memerlukan tujuan tertentu tetapi dihargai secara intrinsik berdasarkan

	Warna: - Gabungan warna terang dan lembut mencipta kesan harmoni dan ekspresi keindahan. Harmoni: - Warna kelopak mencipta keseimbangan di antara elemen terang dengan elemen gelap.	Simbol: Dalam budaya Asia, bunga orkid melambangkan keanggunan, kemewahan, dan kesejahteraan.	bentuk dan susunan warna.
Bullion Stitch	- Jahitan berlingkar untuk bahagian stamen dan tunas bunga, mencipta dimensi tekstur dan menonjolkan struktur bunga. Bentuk: - Jahitan berpintal menambah tekstur dinamik pada reka bentuk bunga. Warna: - Biasanya menggunakan warna terang seperti merah atau emas untuk menarik perhatian. Harmoni: - Memberikan kontras dengan kelopak bunga yang lembut, mencipta kesan keseimbangan di antara kelembutan struktur.	Ikon: - Bentuk berpusing mencerminkan pertumbuhan dan kesinambungan generasi. Indeks: - Struktur berpintal memberi petunjuk kepada daya tahan dan perubahan yang berterusan. Simbol: - Dalam budaya tradisional, motif berpintal dikaitkan dengan perjalanan hidup dan transformasi spiritual.	Jahitan ini menonjolkan "<i>sublime beauty</i>" (keindahan luhur) dalam estetika Kant, di mana unsur berpintal yang kompleks menimbulkan rasa kagum terhadap kehalusan teknik dan kerumitan dalam seni sulaman.

Analisis ini menunjukkan bahawa motif bunga orkid dalam sulaman tangan bukan sekadar elemen hiasan, tetapi mengandungi makna semiotik yang mendalam serta prinsip estetika yang tinggi. Setiap teknik sulaman yang diaplikasikan membawa makna tersirat yang dapat dijelaskan melalui pendekatan teori semiotik dan estetika Kant.

Dari perspektif semiotik, motif ini terdiri daripada ikon, indeks, dan simbol. Ikon merujuk kepada bentuk sulaman yang menyerupai bunga orkid sebenar, melambangkan keanggunan semula jadi. Indeks berkait dengan elemen visual seperti warna dan tekstur yang mencerminkan ketahanan serta pertumbuhan kehidupan. Simbol pula menggambarkan kehalusan seni tekstil dan nilai budaya yang menekankan kecantikan, keseimbangan, serta status sosial (Chandler, 2017; Iqbal et al., 2019).

Dari perspektif estetika Kant, motif orkid membangkitkan kekaguman terhadap ketelitian sulaman yang dihasilkan. Keindahan ini tergolong dalam kategori *free beauty*, iaitu kecantikan yang dihargai tanpa tujuan utilitarian, sebaliknya dinikmati kerana keseronokan estetik yang bersifat universal (Kant, 1790/2000; Allison, 2001). Oleh itu, penghayatan terhadap motif ini tidak hanya terbatas pada fungsi hiasan, tetapi turut dilihat sebagai ekspresi estetik yang dapat dinikmati secara intelektual dan emosional (Ginsborg, 2005).

Selain itu, dapatan ini menekankan kepentingan motif orkid kepada individu, khususnya dari segi pengalaman estetik, identiti budaya, dan pembangunan diri. Dewey (1934/2005) menegaskan bahawa pengalaman estetik memberi kesan mendalam kerana melibatkan interaksi antara sensasi, emosi, dan intelek. Bagi pengkarya, penghasilan motif melalui teknik sulaman yang teliti menumbuhkan rasa kepuasan, ketekunan, serta penghargaan terhadap keindahan. Bagi pemerhati, ia memperkayakan pengalaman visual, membina keterhubungan dengan warisan budaya, dan meningkatkan apresiasi terhadap seni tradisional.

Sehubungan itu, motif bunga orkid dalam sulaman tangan wajar dihargai bukan sahaja sebagai warisan tekstil, tetapi juga sebagai medium yang menyumbang kepada pembangunan estetika individu. Pemeliharaan dan penghayatan terhadap motif ini penting bukan sahaja untuk melestarikan warisan budaya, tetapi juga sebagai penghormatan kepada nilai estetik, simbolisme, dan pengalaman manusia yang terkandung dalam seni sulaman tradisional.

Implikasi Terhadap Masyarakat dan Pendidikan Seni

Selain memberi kesan kepada individu, motif bunga orkid dalam seni sulaman tangan turut membawa implikasi penting kepada masyarakat dan bidang pendidikan seni. Dari sudut masyarakat, motif ini berfungsi sebagai medium perantara budaya yang menyampaikan nilai, identiti, dan tradisi setempat. Hall (1997) menegaskan bahawa representasi visual dalam seni memainkan peranan dalam membentuk makna sosial serta mempengaruhi cara masyarakat memahami warisan mereka. Dalam konteks ini, sulaman bermotifkan bunga orkid bukan sahaja memelihara warisan tekstil, tetapi juga memperkukuh identiti kolektif melalui simbolisme alam, kehalusan estetika, dan nilai kerajinan tangan.

Dalam bidang pendidikan seni pula, penerapan motif tradisional seperti bunga orkid berpotensi memperkaya pedagogi dengan menghubungkan teori dan amalan praktikal. Integrasi analisis semiotik serta estetika Kant dalam proses pengajaran membolehkan pelajar memahami seni bukan sahaja dari aspek teknikal, tetapi juga dari segi makna, nilai estetik, dan pengalaman estetik yang mendalam. Hal ini seiring dengan pandangan Eisner (2002) bahawa pendidikan seni berperanan membentuk pemikiran kritis, kepekaan estetik, serta penghargaan terhadap

kepelbagaian budaya. Melalui pendekatan ini, pelajar bukan sahaja menghasilkan karya, tetapi turut diajak menghayati makna dan nilai yang terkandung di dalamnya.

Secara keseluruhannya, motif bunga orkid dalam sulaman tangan berfungsi pada dua tahap utama: pertama, sebagai wahana mengekalkan warisan budaya masyarakat; dan kedua, sebagai medium pedagogi yang menghubungkan teori estetika dengan amalan seni. Kedua-dua peranan ini menjadikan motif orkid relevan bukan sahaja pada peringkat individu, tetapi juga dalam memperkukuh identiti kolektif serta memperluas horizon pendidikan seni kontemporari.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa motif bunga orkid dalam sulaman tangan mempunyai makna simbolik dan nilai estetik yang tinggi. Berdasarkan pendekatan teori semiotik, motif ini menzahirkan pelbagai makna yang berkaitan dengan kecantikan, ketahanan, dan keseimbangan. Dari sudut estetika pula, keindahan motif dapat dihargai melalui teknik sulaman yang halus serta pemilihan warna yang menyerlahkan unsur seni visualnya. Kepentingan motif orkid dalam seni tekstil menegaskan bahawa usaha pemeliharaan dan inovasi perlu diteruskan agar warisan sulaman tangan bukan sahaja terus dihargai, tetapi juga dikembangkan dalam pelbagai medium kontemporari.

References

- Abd. Rasid, & Ahmad Rashidi. (2012, December 11–12). *Keindahan dalam reka bentuk motif seni hiasan fabrik tradisional Melayu: Satu analisa formalistik*. The 9th Regional Symposium of the Malay Archipelago (Simposium Nusantara 9), Perak, Malaysia.
- Allison, H. E. (2001). *Kant's theory of taste: A reading of the Critique of Aesthetic Judgment*. Cambridge University Press.
- Anderson, S. (2017). *Embroidery stitches step-by-step*. DK Publishing.
- Arba'iyah Ab. Aziz. (2018). *Simbolisme dalam motif songket Melayu Terengganu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braun, V., & Clarke, V. (2022). *Thematic analysis: A practical guide*. SAGE Publications.
- Brown, C. (2012). *The encyclopedia of embroidery techniques*. Search Press.
- Chandler, D. (2017). *Semiotics: The basics* (3rd ed.). Routledge.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Dewey, J. (2005). *Art as experience*. Perigee Books. (Original work published 1934)
- Eisner, E. W. (2002). *The arts and the creation of mind*. Yale University Press.
- Ginsborg, H. (2005). Kant's aesthetic theory. In E. N. Zalta (Ed.), *The Stanford encyclopedia of philosophy* (Fall 2005 Edition). Stanford University. <https://plato.stanford.edu/archives/fall2005/entries/kant-aesthetics>
- Hall, S. (1997). *Representation: Cultural representations and signifying practices*. SAGE Publications.
- Harozila Ramli, et al. (2021). Adaptasi keindahan reka bentuk motif tradisional menerusi seni tekat benang emas. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(1), 31–40.
- Kant, I. (2000). *Critique of the power of judgment* (P. Guyer, Ed., & P. Guyer & E. Matthews, Trans.). Cambridge University Press. (Original work published 1790)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Buku teks pendidikan seni visual KSSM Tingkatan 2*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairunnisa, et al. (2025). Analisis perkembangan teknik sulaman tangan. *Jurnal Riset dan Pengabdian Interdisipliner*, 2(1), 1–12. E-ISSN: 3064-6111.
- Mira Marlianti, & Wuri Handayani. (2017). Klasifikasi teknik stitching sulaman sebagai

- surface design tekstil. *Jurnal ATRAT*, 5(3).
- Mohammed Iqbal, et al. (2019). Teori dan kaedah analisa terhadap nilai apresiasi motif reka corak tradisional Melayu: Satu perbandingan umum. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(5), 56–71. eISSN: 2600-8262.
- Nöth, W. (1990). *Handbook of semiotics*. Indiana University Press.
- Nor Alia Farahin Roslan. (2023). *Kajian terhadap teknik dan motif sulaman keringkan di Malaysia* (Unpublished undergraduate thesis). Universiti Malaysia Kelantan.
- Parker, M. (2010). *Hand embroidery stitches for everyone*. Bloomsbury.
- Purwo Prihatin. (2022). Seni kriya sulaman tangan tradisional dan pengrajin perempuan Nagari Koto Gadang dalam dimensi ekonomi, sosial dan budaya. *Jurnal Ilmiah Universitas Batanghari Jambi*, 22(2), 1197–1204.
- Robertus Moses. (2017). Estetika dalam pemikiran Immanuel Kant. *Studia Philosophica et Theologica*, 17(1), 1–15.
- Rose, G. (2016). *Visual methodologies: An introduction to researching with visual materials* (4th ed.). SAGE Publications.
- Roslina Ismail. (2008). *Potensi orkid sebagai produk pelancongan alam semula jadi di Sabah* [Unpublished research report]. Universiti Malaysia Sabah.
- Saemah Yusof, & Mulyadi Mahamood. (2015, December 16–17). *Seni sulaman tekat tradisional dalam tekstil Melayu*. International Conference on Malay Heritage and Civilization (ICOMHAC2015), Century Helang Hotel, Pulau Langkawi, Malaysia. UiTM Kedah & INSPIN.
- Saussure, F. de. (1983). *Course in general linguistics* (C. Bally & A. Sechehaye, Eds.; R. Harris, Trans.). Duckworth. (Original work published 1916)
- Siti Zainon Ismail. (1986). *Rekabentuk kraftangan Melayu tradisi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thomas, J. (2014). *Creative stitches for contemporary embroidery*. Batsford.
- Zuraidah. (2025). Kenali jenis bunga orkid, yang liar dan hybrid. *Bidadari.my*. <https://bidadari.my/jenis-bunga-orkid/?form=MG0AV3>